



**TERMA DAN SYARAT
PERMOHONAN PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN
PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH**

Kaedah pembayaran yuran pengajian bagi program pengajian siswazah secara ansuran ini merupakan salah satu inisiatif Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam memberikan kemudahan pengurusan pembayaran yuran pengajian kepada pelajar Sarjana dan Kedoktoran arus perdana.

Berikut merupakan terma dan syarat bagi permohonan pembayaran yuran pengajian secara ansuran bagi program pengajian siswazah UPSI :

- i. Pelajar mestilah terdiri daripada kategori pelajar tempatan yang telah menerima surat tawaran atau pelajar sedia ada dalam program arus perdana.
- ii. Pelajar yang termasuk dalam kategori pelajar sedia ada perlu berada dalam tempoh minimum semester pengajian.
- iii. Pembayaran ansuran yuran dibenarkan sebanyak tiga (3) kali sehingga minggu ke-7 pengkuliahahan pada semester semasa. Pelajar boleh membuat pilihan untuk bayaran penuh semasa pendaftaran atau ansuran sebanyak tiga (3) kali sahaja.
- iv. Bayaran kali pertama adalah sebanyak RM1000.00 daripada yuran pengajian semasa dan wajib dibayar sebelum membuat proses pendaftaran. Pembayaran berikutnya adalah seperti berikut :

No.	Pecahan Ansuran	Tempoh pembayaran	Jumlah (RM)
1.	Kali pertama	Semasa pendaftaran	1000.00 *jumlah ini tidak termasuk yuran pendaftaran dan orientasi bagi pelajar baharu
2.	Kali kedua	Sebelum minggu ke-4 pengkuliahahan *rujuk takwin pengajian bagi semester yang sedang berlangsung	50% daripada baki keseluruhan yuran pengajian *rujuk bahagian <i>financial information</i> di portal pelajar
3.	Kali ketiga	Sebelum minggu ke-7 pengkuliahahan *rujuk takwin pengajian bagi semester yang sedang berlangsung	50% daripada baki keseluruhan yuran pengajian *rujuk bahagian <i>financial information</i> di portal pelajar

- v. Pembayaran yuran hanya melibatkan yuran pengajian. Yuran pendaftaran dan orientasi bagi kategori pelajar telah menerima surat tawaran (pelajar baharu) pada semester pertama berjumlah RM460.00 perlu dijelaskan sepenuhnya oleh pelajar.
- vi. Bayaran kali pertama akan melayakkan status pelajar ditukar kepada 'Aktif' dan pelajar akan dibenarkan untuk membuat pendaftaran kursus.
- vii. Pelajar akan diberhentikan sekiranya gagal membuat bayaran yuran pengajian sepenuhnya selewat-lewatnya pada minggu ke-7 pengkuliahahan. Jumlah bayaran kali pertama dan ke-2 yang telah dilakukan tidak akan dikembalikan sekiranya pelajar diberhentikan.
- viii. Sekiranya pelajar menangguhkan pengajian atas faktor kesihatan kritikal atau peribadi dalam tempoh yang dibenarkan, bayaran yuran pengajian yang telah dilakukan akan dibawa ke semester berikutnya.
- ix. Pelajar yang berstatus tidak aktif, menerima tajaan / biasiswa / bantuan kewangan yang lain adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menggunakan kemudahan ini.